

Strategi Pasca-Perintah Kawalan Pergerakan

Ketika Malaysia merangka strategi tempoh Pasca-Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) menggesa supaya sebarang keputusan dibuat, perlu dilakukan secara berperingkat. Keputusan untuk menamatkan sekatan PKP perlu dilaksanakan dengan kawalan ketat dan memerlukan kerjasama daripada semua agensi kerajaan serta Kementerian Kesihatan.

Kami ingin menggesa:

1. Peralihan kepada PKP Bersyarat berdasarkan Risiko

Penjarakan fizikal di tempat awam perlu dikekalkan. Sistem kod warna berdasarkan zon hijau, kuning dan merah perlu dilaksanakan sebagai panduan di tempat awam. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) harus menetapkan kriteria khusus bagi zon-zon tersebut dan disampaikan kepada kementerian lain sebelum disebar kepada umum. Garis panduan itu perlu menyatakan dengan jelas aktiviti yang dibenarkan atau dilarang bagi setiap tahap risiko. Ini termasuk perjalanan "merentas zon". Peralihan antara tahap risiko juga memerlukan penetapan kriteria yang sepatutnya.

2. Pembangunan Semula Ekonomi Secara Berperingkat.

Pemulihan ekonomi secara berperingkat perlu dilakukan mengikut garis panduan KKM. Kerajaan perlu memastikan enam kriteria yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO, dikeluarkan pada 14 April 2020) perlu ditepati sebelum sebarang sektor atau perniagaan beroperasi semula. Enam kriteria tersebut adalah: penyebaran Covid-19 terkawal, kapasiti sistem kesihatan dan kesihatan awam yang mencukupi, risiko penularan wabak dikurangkan di kawasan jangkitan tinggi dan komuniti yang mudah terdedah; langkah pencegahan di tempat kerja dilaksanakan; risiko kes import berada dalam kawalan; dan semua komuniti bekerjasama dalam mencegah penyebaran.

3. Amalan Kebiasaan Baharu Diperkukuh

Kami faham ramai rakyat Malaysia terjejas daripada segi ekonomi ekoran pelaksanaan PKP dan tidak sabar untuk kembali bekerja serta meneruskan kehidupan seperti biasa. Namun, sebarang pemulihan ekonomi secara berperingkat perlu dilaksanakan dengan penuh waspada sehingga wabak ini dihapuskan sepenuhnya. Sejak kebelakangan ini, perang ke atas wabak ini menunjukkan kemajuan. Bagi memastikan kemajuan ini berterusan, kita harus mengamalkan kebiasaan baharu. Walaupun selepas beberapa sekatan PKP dimansuhkan, kita masih perlu meneruskan penjarakan fizikal, menjaga amalan kebersihan, elakkan daripada menyertai sebarang perhimpunan, dan duduk di rumah jika tiada keperluan untuk keluar. Setiap masyarakat perlu melibatkan diri dan menyokong antara satu sama lain agar langkah-langkah pasca-PKP ini dipatuhi.

Mencari keseimbangan antara kehidupan dan mata pencarian bukanlah sesuatu yang mudah. Kami percaya, Malaysia boleh berjaya dalam pasca-PKP jika ia dilakukan secara berperingkat, berdasarkan bukti dan didorong daripada keputusan yang diselaraskan. Kami yakin, kerjasama yang membabitkan setiap lapisan kerajaan, pihak berkepentingan dan masyarakat akan membantu Malaysia bersiap-sedia menempuh kehidupan pasca-PKP.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Gabungan Kesihatan Malaysia

45 Persatuan & 19 Individu

Full Signature List on myhealthcoalition.org.

23 April 2020